



MAAHAD DINI SULTAN ABDUL HALIM (MDSAH) KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2019

Sebut harga adalah dipelawa secara terbuka kepada pembekal-pembekal tempatan yang menjalankan perniagaan di Negeri Kedah (**keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat pendapatan/perniagaan dengan LZNK**) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), berkelayakan dan berpengalaman untuk menyertai sebut harga bagi pembekalan/perkhidmatan berikut:

Maklumat Sebut Harga

| NO SEBUT HARGA | BUTIR-BUTIR TAWARAN | PENDAFTARAN KKM | HARGA DOKUMEN | TAKLIMAT | TARIKH DAN WAKTU TUTUP |
|----------------|--|--|---|---|--|
| PMAD/SH001/19 | Sebut Harga Perkhidmatan Pengangkutan Bas Untuk Pelajar-Pelajar Asrama Maahad Dini Sultan Abdul Halim Alor Setar | Kod Bidang: 221503 – Kenderaan / Jentera / Kenderaan Rekreasi | RM50.00 (Tunai) Dokumen Meja Sebut Harga boleh dirujuk mulai 8 Disember 2019 (Ahad) | 8 Disember 2019 (Ahad) 10.00 Pagi Bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 3, Maahad Dini Sultan Abdul Halim. (diwajibkan hadir) | 17 Disember 2019 (Selasa) 12.00 Tengah Hari |

Tempat Jualan Dan Penghantaran Tawaran

| | |
|---|---|
| Maahad Dini Sultan Abdul Halim Alor Setar Lot 1306, Jalan Suka Menanti, Mukim Pumpang, 05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman No Tel: 04-700 1071 | Tarikh dan Masa Penghantaran Tawaran |
| | Ahad hingga Rabu: 9.00 pagi - 12.30 tengahari & 2.30 petang – 4.30 petang Khamis : 9.00 pagi – 12.30 tengahari & 2.30 petang – 3.00 petang |
| | Tarikh Mula Dijual: 8 Disember 2019 (Ahad) |

- i) Semua Penyebut Harga **DIWAJIBKAN HADIR** untuk sesi taklimat pada 8 Disember 2019 (Ahad) bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 3, Maahad Dini Sultan Abdul Halim pada jam 10.00 pagi.
- ii) Penyebut harga dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (KKM), Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM) dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera ASAL** yang masih sah tempoh lakunya beserta satu salinan **FOTOSTAT** semasa hadir ke sesi taklimat. Hanya Pemilik/Penama sahaja dibenarkan untuk menghadiri taklimat. Wakil selain pemilik/penama di dalam sijil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- iii) Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan Penyebut Harga tidak dibenarkan untuk memasuki Sebut Harga ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- iv) Dokumen Sebut Harga akan dijual kepada Penyebut Harga yang hadir ke taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- v) Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dengan menggunakan **WANG TUNAI** di pejabat pentadbiran Maahad Dini Sultan Abdul Halim Alor Setar dan bayaran bagi Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
- vi) Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman <http://www.zakatkedah.com.my>
- vii) Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- viii) Penyebut Harga yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:
Bahagian Perolehan
Pertubuhan Maahad Ad Dini Sultan Abdul Halim Kedah
04-700 1071